

03 APR 2002

Mahkamah-Anwar/I

BICARA SAMAN ANWAR DITANGGUH KERANA MUNGKIN DISELESAI DI LUAR MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menangguhkan ke 22 Mei perbincaraan saman Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan kerajaan berhubung "kejadian mata lebam".

Hakim Datuk Abdul Hamid Said menangguhkan kes itu apabila peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar memaklumkan mahkamah bahawa kedua-dua pihak "sedang mengkaji kemungkinan menyelesaikan saman itu di luar mahkamah".

Oleh itu, Karpal Singh meminta penangguhan untuk mengetahui sama ada perkara itu boleh diselesaikan dan mencadangkan 22 Mei dan 23 Mei bagi mahkamah untuk menyambung semula perbincaraan kes itu sekiranya kedua-dua pihak tidak mencapai persetujuan untuk menyelesaikan perkara itu di luar mahkamah.

Peguam Kanan Persekutuan Datuk Mary Lim yang mewakili Dr Mahathir, Abdul Rahim dan kerajaan, mengesahkan "situasi dan tarikh" yang diberikan oleh peguam itu.

Bekas timbalan perdana menteri dan bekas menteri kewangan itu telah memfailkan saman terhadap Dr Mahathir dalam kapasiti beliau sebagai bekas Menteri Dalam Negeri, Abdul Rahim dan kerajaan, pada 8 Jan, 1999 yang memohon ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk.

Anwar, 54, yang mendakwa bahawa beliau telah mengalami trauma, aib, tekanan dan hilang maruah diri semasa penahanannya, turut menuntut kos dan faedah lain yang dirasakan patut oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutanannya, antara lain, Anwar berkata bahawa beliau telah ditahan pada 20 Sept, 1998 di kediamannya pada kira-kira 10 malam dan telah dibawa ke Bukit Aman dan diletakkan dalam sel.

Beliau mendakwa bahawa antara 11 malam dan 11.30 malam, ketika mata beliau ditutup dan tangannya digari dari belakang, beliau diperintahkan berdiri dan tiba-tiba beliau terasa satu tumbukan kuat pada mata kiri dan dahi beliau.

Dalam pernyataan pembelaan mereka, para defendan menafikan dakwaan bahawa Anwar telah dipukul di dahinya dan bahagian kiri lehernya telah dipukul dengan teruk serta ditampar beberapa kali sehingga darah keluar dari hidung dan mulutnya.

Bagaimanapun, para defendan mengaku yang Abdul Rahim telah menampar muka Anwar tetapi mengekalkan kenyataan Anwar "inilah bapak anjing" kepada Abdul Rahim telah memprovokasi bekas KPN itu dan menyebabkan beliau bertindak sedemikian.

-- BERNAMA

SBB AHH RHM